



**PEJABAT DAERAH DAN TANAH PENDANG  
06700 PENDANG  
KEDAH DARUL AMAN  
TEL: 04-7028444 / 04-7028448 FAKS : 04-7028442  
EMAIL : pdp@kedah.gov.my**

## **IKLAN JAWATAN KOSONG**

**Pemohon-pemohon adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia, keutamaan kepada Rakyat Negeri Kedah Darul Aman yang berkelayakan dan berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan untuk mengisi kekosongan jawatan tetap di Pejabat Daerah Dan Tanah Pendang.**

| <b>BIL</b> | <b>JAWATAN</b>                   | <b>GRED</b> | <b>KUMPULAN PERKHIDMATAN</b> | <b>KLAFIKASI PERKHIDMATAN</b> |
|------------|----------------------------------|-------------|------------------------------|-------------------------------|
| 1.         | Pembantu Awam<br>(Lelaki Sahaja) | H11         | Pelaksana                    | Kemahiran                     |

### **KELAYAKAN PERMOHONAN / SYARAT LANTIKAN**

#### **PEMBANTU AWAM GRED H11 (TETAP)**

| <b>GRED GAJI</b> | <b>GAJI MINIMUM</b> | <b>GAJI MAKSIMUM</b> | <b>KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN</b> |
|------------------|---------------------|----------------------|------------------------------------|
| H11              | RM 1,218.00         | RM 2,939.00          | RM 80.00                           |

#### **SYARAT LANTIKAN**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- Warganegara Malaysia;
- Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3)/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf denganya oleh kerajaan; (Gaji permulaan ialah pada Gred H11 : RM 1,218.00).

**SYARAT KELAYAKAN AKADEMIK** Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Keupujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3)/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**TEMPOH PERCUBAAN DAN LATIHAN** Pegawai adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun (1 bulan hingga 36 bulan) dan perlu mengikuti latihan dan peperiksaan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN** Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

Kemudahan seperti Cuti Rehat Tahunan, faedah rawatan perubatan, pinjaman, bantuan sara hidup (COLA) dan sebagainya tertakluk kepada peraturan kerajaan yang sedang berkuatkuasa.

**SYARAT TAMBAHAN** Tidak merokok.  
Pelawaan adalah di buka kepada lelaki sahaja.

#### **KETERANGAN DAN SYARAT-SYARAT:**

1. Borang permohonan yang boleh diperolehi sendiri di Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Pejabat Daerah Dan Tanah Pendang dengan harga **RM 5.00 setiap borang**.
2. Sila nyatakan jawatan yang dipohon di kiri sebelah atas sampul surat semasa memohon. Setiap permohonan hendaklah disertakan dengan salinan dokumen-dokumen seperti berikut:-
  - i. Kad Pengenalan diri;
  - ii. Sijil Kelahiran;
  - iii. Sijil berhenti sekolah;
  - iv. Kelulusan Akademik (Sijil/Diploma/Ijazah)\*Mana yang berkaitan dengan Jawatan yang dipohon;
  - v. Satu (1) keping gambar terbaru berukuran passport; dan
  - vi. Dokumen-dokumen sokongan yang lain (Jika ada).
3. Setiap salinan dokumen di atas hendaklah diakui sah oleh Pegawai Kerajaan dalam kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Penghulu Mukim. Semua salinan sijil/dokumen hendaklah bersaiz A4.

4. Permohonan daripada pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan/Pihak Berkuasa Tempatan/Badan-Badan Berkanun hendaklah dibuat melalui **KETUA JABATAN** masing-masing dengan menyertakan Salinan Penyata Rekod Perkhidmatan yang kemaskini dan Laporan Nilai Prestasi Tahunan terkini. Sepertimana mengikut Peraturan 17 di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2005.
5. Hanya calon-calon yang berkeelayakan setelah ditapis dan didapati sesuai sahaja akan dipanggil untuk temuduga. Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap sebagai tidak berjaya.
6. Permohonan yang diisi tidak lengkap akan **DITOLAK**.
7. Borang Permohonan Jawatan yang telah lengkap hendaklah dihantar kepada :  

**Pegawai Daerah Pendang**  
**Pejabat Daerah Dan Tanah Pendang**  
**06700 Pendang**  
**KEDAH DARUL AMAN**  
(u.p : Bahagian Pentadbiran dan Kewangan)
8. Tarikh tutup permohonan : **12 SEPTEMBER 2023 (SELASA) SEBELUM 12.00 TENGAHARI**